

15/04/1997

8 didakwa salah guna kuasa perlu letak jawatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Lapan Exco kerajaan negeri yang sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) atas dakwaan rasuah dan penyalahgunaan kuasa sepatutnya mencontohi Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang meletakkan jawatan.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, berkata ini selaras dengan usaha kerajaan memerangi rasuah yang semakin merebak dan boleh meruntuhkan masyarakat serta negara.

Menurutnya, tindakan BPR menyiasat kes Muhammad dan serta lapan Exco di beberapa negeri menunjukkan sikap lebih tegas kerajaan untuk memerangi gejala rasuah.

"Amaran Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap pengamal rasuah dalam Jabatan Polis dan Imigresen juga menunjukkan petanda baik.

"Sejarah dan pengalaman di beberapa negara sekeliling membuktikan hal ini dengan jelas. Oleh itu, sebarang usaha untuk mengawalinya dengan segera serta berkesan amat dialu-alukan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Dr Syed Husin mendakwa siasatan ke atas beberapa tokoh, termasuk menteri pernah dihebohkan pada masa lalu tetapi tiada sebarang tindakan tegas diambil.

Menurutnya, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Sammy Vellu dibersihkan daripada skandal pemberian 10 juta saham Telekom Malaysia Berhad (Telekom Malaysia) kepada Maika Holdings.

Selain itu, katanya, beberapa tuduhan rasuah terhadap bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Rahim Thamby Chik ditarik balik.

"Kes Tan Sri Eric Chia berhubung hutang serta kerugian Perwaja berjumlah hampir RM10 bilion seolah-olah mahu dilupakan saja. Kita berharap peristiwa seperti ini tidak berulang supaya rakyat yakin bahawa penmerintah benar-benar serius menangani gejala rasuah," katanya.

Dr Syed Husin juga mendakwa ramai menteri serta pemimpin kerajaan membeli harta di Australia dan memperlihatkan kemewahan yang melampaui daripada apa sepatutnya termampu mereka.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu mengambil tindakan supaya mereka mengemukakan pengisytiharan harta yang baru.

(END)